

# Pondok terbuka bukan tempat selamat

**Kuala Lumpur:** Pondok terbuka termasuk tempat menunggu bas serta khemah bukan tempat selamat untuk orang ramai berlindung daripada terkena panahan petir.

Pengarah Kajian Pusat Kecemerlangan Perlindungan Kilat (CELP) Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Mohd Zainal Abidin Ab Kadir berkata, biarpun seseorang tidak terkena panahan petir secara terus jika berlindung di pondok terbuka, namun kecederaan boleh berlaku terutama apabila ada objek yang lebih tinggi daripada mangsa di kawasan terbabit.

Katanya, langkah yang boleh diambil orang ramai ialah mencari tempat perlindungan selamat iaitu dalam bangunan ataupun berada di dalam kenderaan.

“Sebenarnya, orang ramai perlu tahu tidak selamat untuk berteduh di bawah pondok terbuka bagi mengelakkan daripada terkena panahan petir.”

“Menerusi program kesedaran sebelum ini, memang itu tip yang perlu dilakukan. Sebenarnya kita boleh berjaga-jaga sebaik mendengar bunyi guruh dan mencari tempat perlindungan,” katanya ketika dihubungi Harian Metro, di sini, semalam.